

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	25/1/2011

Dr. M pertahan hanya Malaysia biaya sekolah guna bahasa asing

KUALA LUMPUR 24 Jan. - Bekas Perdana Menteri Tun Dr. Mohamad (gambar) sekali lagi menegaskan bahawa tidak ada sebuah kerajaan pun di dunia melainkan Malaysia yang membenarkan dan membiayai sekolah yang menggunakan bahasa asing sebagai bahasa pengantara.

Katanya, dakwaan bahawa terdapat sekolah di Thailand yang menggunakan bahasa Cina sebagai medium pengajaran adalah tidak tepat.

Tambah beliau, meskipun terdapat sekolah antarabangsa yang tidak

menggunakan bahasa kebangsaan Thailand, sekolah itu bagaimanapun tidak dibiayai oleh kerajaan.

"Situasinya sama seperti sekolah untuk golongan ekspatriat di kebanyakan negara termasuk di Malaysia yang mana sekolah ini turut dihadiri pelajar tempatan.

"Tetapi sekolah ini tidak sama dengan sekolah aliran Cina dan India di negara ini yang dibiayai oleh kerajaan,"

katanya.

Beliau berkata demikian dalam entri terbarunya bertajuk *Medium of*

Teaching yang disiarkan menerusi laman blognya di alamat <http://chedet.co.cc/chedetblog/>, hari ini.

Entri itu bagi menjawab reaksi beberapa pihak yang mendakwa Dr. Mahathir dalam satu wawancara dengan akhbar *Nanyang Siang Pau* awal bulan ini membuat kenyataan silap apabila menyebut tidak ada kerajaan selain Malaysia yang membiayai sekolah yang tidak menggunakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar.

Beberapa pembaca akhbar itu menegaskan, Dr. Mahathir sepatutnya melihat situasi di Thailand, Filipina dan Indonesia yang membenarkan sekolah Cina dibuka.

Menurut Dr. Mahathir, terdapat per-

bezaan antara mengajar serta belajar dan bercakap dalam bahasa asing.

Katanya, beliau dalam wawancara dengan akhbar itu merujuk kepada medium pengajaran dalam bahasa asing dan bukannya belajar bahasa asing.

"Belajar bahasa asing kebiasaannya bukan sahaja dibenarkan malah digalakkan," katanya.

Dalam entri yang sama Dr. Mahathir turut menegaskan, di Singapura sekali pun tidak ada sekolah yang menggunakan bahasa Cina dan Tamil sebagai medium pengajaran yang dibiayai kerajaan.

Tetapi katanya, pelajar-pelajar Singapura perlu belajar bahasa asing

selain bahasa Inggeris.

"Secara kebetulan, polisi kerajaan Singapura yang menggunakan bahasa Inggeris sebagai medium pengajaran berbanding bahasa Melayu, Cina atau Tamil tidak menimbulkan isu sebagai anti-Cina, anti-Tamil atau anti-Melayu," katanya.

Beliau menambah, bahasa kebangsaan kebanyakan orang Cina di Singapura ialah bahasa Melayu tetapi bahasa Cina, Tamil dan Inggeris juga menjadi bahasa rasmi yang diajar dan mungkin digunakan selain bahasa Inggeris.

Katanya lagi, beliau mengalu-alukan sesiapa yang berhasrat untuk menyangkal kenyataannya itu tetapi mestilah mengemukakan bukti.